



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN TRENDS IN
SOCIAL SCIENCES
(IJMTSS)
www.ijmtss.com



KONSEP SASTERA ISLAM OLEH TAN SRI PROF. DR MOHD
KAMAL HASSAN

*THE CONCEPT OF ISLAMIC LITERATURE BY TAN SRI PROFESSOR DR MOHD
KAMAL HASSAN*

Adli Yaacob¹

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.
Email: adlihy@iium.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 25.10.2021
Revised date: 15.11.2021
Accepted date: 10.12.2021
Published date: 31.12.2021

To cite this document:

Yaacob, A. (2021). Konsep Sastera Islam Oleh Tan Sri Prof. Dr Mohd Kamal Hassan. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 4 (18), 58-69.

DOI: 10.35631/IJMTSS.418006

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini mengenai 'Konsep sastera Islam' yang dicetuskan oleh Tan Sri Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan. Seperti mana dimaklumi mauduk ini menjadi panas apabila Kassim Ahmad menyanggah idea sastera Islam yang dicetuskan oleh Shahnnon Ahmad pada sekitar tahun lapan puluhan. Kamal Hassan telah mengetengahkan satu idea sastera Islam yang menarik, meskipun agak ringkas tetapi pemahamannya adalah padat. Kemudiannya teknik yang diketengahkan oleh beliau agak berbeza dengan konsep yang dicetuskan oleh tokoh-tokoh lain, maksudnya terdapat 'originaliti' dalam konsepnya, seolah olah Kamal Hassan tidak terpengaruh sama sekali dengan pendapat yang dibicarakan oleh tokoh-tokoh intelektual sebelum ini. Hakikatnya, bidang sastera Islam ini, merupakan antara bidang Kamal Hassan yang utama, dimana beliau adalah tokoh yang terlibat secara langsung dengan proses 'Islamisasi Ilmu'. Maka sastera Islam yang berkaitan dengan Islamisasi adalah bidang kesusasteraan. Didalam konsepnya, Kamal Hassan telah menyimpulkan ada empat perkara penting yang perlu difahami apabila membicarakan tentang sastera Islam; **pertama;** sekiranya ingin memahami seni, setiap perbandingan dengan idea seni sebagaimana yang difahami oleh dunia Barat perlu dilihat dari kacamata yang berbeza. **Kedua;** dalam budaya Islam tujuan asasi darinya ialah untuk kemajuan manusia dan ianya tidak termasuk budaya oleh kelompok-kelompok manusia tertentu dalam masa-masa yang tertentu yang menganut agama Islam tetapi melahirkan kebudayaan yang tidak menyumbang kepada kemajuan manusia. **Ketiga;** kebudayaan Islam tidak bertujuan memperelok atau memperhalus barang-barang tambahan dalam kehidupan manusia. Sebaliknya,

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. E-Mel: adlihy@iium.edu.my.

ia bertujuan untuk memperindahkan dan memuliakan hidup manusia itu sendiri. **Keempat;** kebudayaan Islam mempunyai kaitan yang amat rapat dengan agama. Ia juga sarat dengan idea kekuasaan Allah SWT baik sewaktu keagungannya atau kemerosotannya dan ini terserlah dalam lapangan ilmu, seni, sastera atau kebajikan masyarakat.

Kata Kunci:

Keindahan, Sastera Islam, Kejelekan, Kebudayaan, Kesenian, Anugerah, Tugas, Nilai, Penyucian Diri

Abstract:

This study is about the concept of Islamic Literature proposed by Tan Sri Prof Dr. Mohd Kamal Hassan during the debate between Kassim Ahmad and Shahnun Ahmad during the 80's. Kamal Hassan had proposed an interesting and in-depth concept of Islamic literature despite its brevity. It is noticeable as well that his idea reflected originality; there was hardly any proof of him being influenced by others before his disposition. Islamic literature was the main area for him, given his involvement in the Islamisation paradigm. In his proposal, he outlined four aspects that need to be abided by in the conceptualization of Islamic Literature. First: aesthetical values if to be understood or to be compared with the western paradigm need to be looked at from a different perspective. Second: in Islamic culture, the main objective is for the advancement of the human race thus and it excludes the cultures of people in a certain space and time who are Muslims which those cultures are by no means void of any value for the advancement of humanity. Thirdly: Islamic culture is not intended to improve or refine additional items in human life, instead, it aims to embellish and ennoble human life itself. Forth: Islamic culture has a very close relationship with religion. It is also loaded with good ideas either in greatness or declination, and this is reflected in the fields of science, art, literature or social welfare.

Keywords:

Beauty, Islamic Literature, Ugliness, Culture, Artistry, Value, Task, Award, Self-Purification

Konsep Sastera Islam Mengikut Tan Sri Prof Dr. Mohd Kamal Hassan²

² Beliau dilahirkan pada 27 Oktober 1942 di Pasir Mas, Kelantan. Beliau adalah ahli akademik Islam dan cendekiawan Islam yang mengkhususkan diri dalam pemikiran Islam kontemporari, terutama berkaitan dengan rantau Asia Tenggara. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Sultan Ismail, Kota Bharu. Beliau menyambung pelajarannya di Kolej Sultan Ismail Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1955. Beliau menduduki Peperiksaan Cambridge Senior yang sekarang dikenali sebagai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 1960. Ketika beliau belajar di Kelantan, beliau selalu ke masjid di Pasir Mas pada hari Sabtu untuk mendalami ilmu agama, terutamanya Tasawuf, Feqah Islam dan Undang-undang Islam. Kemudian beliau melayakkan diri ke Institusi Victoria pada tahun 1961. Salah seorang rakan sekelas beliau ialah Rafidah Aziz, ahli politik terkenal di Malaysia. Beliau juga terpilih untuk mendapat biasiswa dari syarikat bagi melanjutkan pelajarannya dalam bidang ekonomi di Australia tetapi beliau menolak kerana beliau lebih meminati dalam bidang falsafah. Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Islam di Universiti Malaya (UM) pada tahun 1965. Beliau mendirikan rumah tangga pada tahun 1966. Beliau melanjutkan pengajian pascasiswazahnya di Universiti Columbia, dimana beliau memperoleh ijazah Sarjana Sastera pada tahun 1970, Sarjana Falsafah pada tahun 1972 dan Doktor Falsafah pada tahun 1975. Beliau memulakan kerjaya akademiknya di Universiti Nasional Malaysia

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Apabila berbicara mengenai sastera Islam, Kamal Hassan (seterusnya Kamal Hassan) tampil sebagai personaliti melayu yang melihat sudut sastera Islam sebagai satu cabang keindahan. Kamal Hassan telah mendatangkan sedikit kelainan dengan menegaskan bahawa “keindahan yang mutlak” adalah dari Allah, “khaliq” (خالق) kepada alam ini yang merupakan “nur” yang menerangi langit dan bumi. Manakala “kejelekan” diumpamakan seperti kegelapan sebagaimana dinyatakan Allah dalam al Quran. Dalam menghubungkan keindahan itu dengan Allah s.w.t beliau telah mendatangkan ayat-ayat al Quran sebagai dalil dan bukti seperti firmannya:

اللَّهُ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ وَبُصْرُ اللَّهِ الْأَمْثَلُ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ {35}

Terjemahannya: Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah (kitab suci al Quran) adlah sebagai sebuah “misykaat” yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca(qandil), geluk kaca itu pula (jernih terangnya) laksana bintang yang bersinar cemerlang, lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu -dengan sendirinya- memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada nur hidayahNya itu; dan Allah mengemukakan berbagai-bagai missal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (Surah al Nur: 35)

وَالَّذِينَ كَسَبُوا السَّيِّئَاتِ جَزَاءُ سَيِّئَةٍ بِمِثْلِهَا وَتَرَهُمْ بِمِثْلِهَا وَتَرَهُمْ ذُلًّا مَّا لَهُمْ مِنَ اللَّهِ مِنْ عَاصِمٍ كَأَنَّمَا أُغْشِيَتْ وُجُوهُهُمْ قِطْعًا مِنَ اللَّيْلِ مُظْلِمًا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ {27}

Terjemahannya: Dan untuk orang-orang yang melakukan kejahatan (syirik dan maksiat), balasan tiap-tiap satu kejahatan mereka ialah kejahatan yang sebanding dengannya serta akan ditimpakan kehinaan; tiadalah bagi mereka pelindung dari (seksa) Allah; muka mereka

(UKM), dimana beliau mengetuai Jabatan Usuluddin dan Falsafah pada tahun 1979 dan kemudiannya menjadi profesor penuh. Beliau kemudiannya menyertai Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dimana beliau menubuhkan Fakulti Ilmu Pengetahuan Islam dan Sains Kemanusiaan pada tahun 1983. Beliau menjadi dekan pertama bagi Kuliyah Ilmu Pengetahuan Islam dan Sains Kemanusiaan UIAM pada tahun 1989, timbalan rektor urusan akademik UIAM tahun 1990 hingga 1997 dan naib rektor UIAM pada 1998. Beliau menggantikan Profesor Emeritus Dato’ Abdul Hamid Ahmad Abu Sulayman sebagai Rektor UIAM yang ketiga pada 5 April 1998 sehingga 2006 dan berkhidmat di pejabat sebelum menyampaikannya kepada Profesor Dato’ Sri Syed Arabi Syed Abdullah Idid. Untuk menandakan sumbangan beliau ke negara Malaysia, beliau dipilih menjadi Akademik Negara pada tahun 2017. Beliau meninggalkan UIAM pada 30 Julai 2018 selepas 42 tahun perkhidmatan pendidikan Malaysia, dimana UIAM menganugerahkannya dengan gelaran Profesor Emeritus. Sebelum keluar dari UIAM, beliau adalah seorang professor cemerlang di Pusat Pengajian Islamnya. Beliau adalah salah seorang daripada tiga ahli akademik di Malaysia yang dinaikkan pangkat sebagai Profesor Cemerlang oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2010. Beliau juga seorang penulis dan fokus utama beliau dalam tulisannya adalah falsafah, agama, isu sosial dan pendidikan. Antara karya-karyanya yang terkenal termasuk: Ensiklopedia Malaysia: Agama dan Kepercayaan, Krisis Identiti Islam dalam Masyarakat Islam dalam Kontemporari Malaysia, Pengajian Islam di Kontemporari Asia Tenggara: Pemerhatian Umum, Al Islam fi ‘alam al Malaya.

(hitam legam) seolah-olahnya ditutup dengan beberapa bahagian (yang gelap-gelita) dari malam yang gelap-gelita. Mereka itulah ahli Neraka, mereka kekal di dalamnya. (Surah Yunus:27)

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلَقَهُ وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنْسَانِ مِنْ طِينٍ {7}

Terjemahannya: Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya dan dimulakanNya kejadian manusia berasal dari tanah. (Surah al Sajadah:7)

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لَهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا {7}

Terjemahannya: Sesungguhnya Kami telah jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan baginya, kerana kami hendak menguji mereka, siapakah di antaranya yang lebih baik amalnya. (Surah al Kahfi:7)

وَالْأَنْعَامَ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنَافِعُ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ {5} وَلَكُمْ فِيهَا جَمَالٌ حِينَ تُرِيحُونَ وَحِينَ تَسْرَحُونَ {6} وَتَحْمِلُ أَثْقَالَكُمْ إِلَىٰ بَلَدٍ لَّمْ تَكُونُوا بِالْغَيْبِ إِلَّا بِشِقِّ الْأَنْفُسِ إِنَّ رَبَّكُمْ لَرؤُوفٌ رَّحِيمٌ {7} وَالْخَيْلَ وَالْبِغَالَ وَالْحَمِيرَ لِتَرْكَبُوهَا وَزِينَةً وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ {8}

Terjemahannya: Dan binatang-binatang ternak itu, Dia juga menciptakannya untuk kamu; terdapat padanya benda-benda yang memanaskan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah yang lain dan daripadanya juga kamu makan. Dan bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu, keindahan (yang menarik hati) ketika kamu membawanya balik untuk berehat (pada waktu petang) dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi). Dan binatang-binatang itu pula membawa barang-barang kamu ke mana-mana negeri yang kamu tidak dapat sampai kepadanya melainkan dengan menanggung susah payah. Sesungguhnya Tuhan kamu Amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya. Dan (Allah menjadikan) kuda dan baghal serta keldai untuk kamu menunggangnya, dan untuk menjadi perhiasan dan Dia menjadikan apa yang kamu tidak mengetahuinya. (Surah al Nahl:5-8)

قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا لَوْثُهَا قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ صَفْرَاءُ فَاقِعٌ لَوْثُهَا تَسُرُّ النَّاطِرِينَ {69}

Terjemahannya: Dan (ingatlah), ketika Musa berkata kepada kaumnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyembelih seekor sapi betina". Mereka berkata: "Apakah kamu hendak menjadikan kami buah ejekan?" Musa menjawab: "Aku berlindung kepada Allah agar tidak menjadi salah seorang dari orang-orang yang jahil". (Surah al Baqarah:69)

وَلَقَدْ جَعَلْنَا فِي السَّمَاءِ بُرُوجًا وَزَيَّنَّاهَا لِلنَّاطِرِينَ {16}

Terjemahannya: Dan demi sesungguhnya! Kami telah menjadikan di langit: Bintang-bintang (yang berbagai bentuk dan keadaan) serta Kami hiasi langit itu bagi orang-orang yang melihatnya. (Surah al Hijr:16)

إِنَّا زَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِزِينَةِ الْكَوَاكِبِ {6}

Terjemahannya: Sesungguhnya Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan hiasan bintang-bintang. (Surah al Saffat:6)

خَالِدِينَ فِيهَا حَسُنَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا {76}

Terjemahannya: Mereka kekal di dalam Syurga itu; amatlah eloknya Syurga menjadi tempat penempatan dan tempat tinggal. (Surah al Furqan:76)

فَعَقَرْنَا لَهُ ذَلِكَ وَإِنَّ لَهُ عِنْدَنَا لَزُلْفَىٰ وَحُسْنَ مَآبٍ {25}

Terjemahannya: *Maka Kami ampunkan kesalahannya itu dan sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang dekat di sisi Kami serta tempat kembali yang sebaik-baiknya (pada hari akhirat kelak).* (Surah Sad:25)

فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ {17}

Terjemahannya: *Maka tidak ada seseorang pun yang mengetahui satu persatu persediaan yang telah dirahsiakan untuk mereka (dari segala jenis nikmat) yang amat indah dipandang dan menggembirakan, sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang mereka telah kerjakan.* (Surah al Sajadah:17)

Kemudian, kemuncak keindahan dan kebahagiaan itu ialah mendiami syurga dan menatap wajah Allah Yang Maha Mulia. Sebagaimana firmanNya:

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاصِرَةٌ {22} إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ {23}

Terjemahannya: *Pada hari akhirat itu, muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri. Melihat kepada Tuhannya.* (Surah al Qiyamah:22-23)

Seterusnya Allah s.w.t telah melantik manusia selaku “khalifah” di muka bumi yang telah dianugerahkan keindahan zahir dan batin sebagaimana firmanNya:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَن تَقْوِيمٍ {4}

Terjemahannya: *Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).* (Surah al Tin:4)

اللَّهُ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ قَرَارًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ وَرَزَقَكُم مِّنَ الطَّيِّبَاتِ ذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُم فَتَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ {64}

Terjemahannya: *Allah yang menjadikan bumi sebagai tempat penetapan untuk kamu dan langit sebagai bumbung yang kukuh binaannya dan Dia membentuk kamu lalu memperelokkan rupa kamu, serta dikurniakan kepada kamu dari benda-benda yang baik lagi halal. Yang demikian (kekuasaanNya dan kemurahanNya) ialah Allah Tuhan kamu; maka nyatalah kelebihan dan kemurahan Allah, Tuhan sekalian alam.* (Surah Ghafir: 64)

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا {7}

Terjemahannya: *Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya).* (Surah al Shams: 7)

Menarik tentang huraian “keindahan” ini, Kamal Hassan telah merujuk ayat وَمَا سَوَّاهَا {7} kepada tafsiran Abdullah Yusuf Ali dalam tafsirannya: The Holy Quran: Text, Translation and Commentary telah menyimpulkan bahawa Allah telah memberikan kesempurnaan kepada jiwa insan untuk membolehkan mereka menyesuaikan dirinya dengan keadaan-keadaan yang akan ditempuhi dalam kehidupan. Allah telah memasukkan ke dalam jiwa insan kefahaman tentang makna dosa, kesalahan, kebaikan dan keburukan. Maka inilah “anugerah” yang paling bernilai kepada manusia. Maka dalam menafsirkan keindahan di dalam rangka hubungan di antara khalik dan makhluk ialah manusia menghargai “anugerah yang paling bernilai ini”

kerana kejayaan, kebahagiaan dan kemajuan manusia bergantung kepada kesungguhannya menjaga kemurnian jiwa yang diberikan Allah kepadanya³.

Oleh yang demikian, manusia perlu menghargai nilai yang telah dianugerahkan kepadanya sebagai makhluk yang indah, yang telah diberikan anugerah berfikir, berkata-kata, berbuat dan berkarya sesuai dengan statusnya yang amat tinggi sebagai khalifah Allah di muka bumi, sekaligus serasi pula dengan jiwanya yang mempunyai sifat-sifat kemurnian dan keluhuran yang berpunca dari Allah. خلق آدم في صورته. Kemudiannya, Kamal Hassan telah mendatangkan beberapa ayat al Quran yang pada pandangannya mempunyai kaitan di antara manusia dengan nilai-nilai keindahan itu sendiri, antaranya: Allah mengkehendaki hamba-hambanya memperelokkan amalan dan keimanan mereka, serta mengharapkan ganjaran-ganjaran yang baik lagi indah. Ini dijelaskan dalam ayat-ayat yang berikut:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَاتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا {125}

Terjemahannya: *Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang dia berusaha mengerjakan kebaikan dan ia pula mengikut agama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid); dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayanganNya.* (Surah al Nisa: 125)

وَأَنْ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُمַغِّعْكُمْ مَتَاعًا حَسَنًا إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِي فَضْلٍ فَضْلَهُ وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ { 3 }

Terjemahannya: *Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu (dari perbuatan syirik), kemudian hendaklah kamu rujuk kembali taat kepadaNya; supaya Dia memberi kamu nikmat kesenangan hidup yang baik (di dunia) hingga ke suatu masa yang tertentu, dan (di akhirat pula) Dia akan memberi kepada tiap-tiap seorang yang mempunyai kelebihan (dalam sebarang amal yang soleh) akan pahala kelebihannya itu dan jika kamu berpaling (membelakangkan tiga perkara itu), maka sesungguhnya aku bimbang kamu akan beroleh azab hari kiamat yang besar (huru-haranya).* (Surah Hud: 3)

لِّلَّذِينَ أَحْسَنُوا الْخَيْرَىٰ وَزِيَادَةٌ وَلَا يَرْهَقُ وُجُوهَهُمْ قَتَرٌ وَلَا ذِلَّةٌ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ {26}

Terjemahannya: *Untuk orang-orang yang berusaha menjadikan amalnya baik dikurniakan segala kebaikan serta satu tambahan yang mulia dan air muka mereka pula (berseri-seri) tidak diliputi oleh sebarang kesedihan dan kehinaan. Mereka itulah ahli Syurga, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya.* (Surah Yunus: 26)

إِلَّا مَنْ ظَلَمَ ثُمَّ بَدَّلَ حَسَنًا بَعْدَ سُوءٍ فَإِنِّي غَفُورٌ رَّحِيمٌ {11}

Terjemahannya: *Tetapi sesiapa yang berbuat salah, kemudian dia mengubahnya dengan melakukan kebaikan sesudah berbuat salah, maka sesungguhnya Aku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.* (Surah al Naml: 11)

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنْتُمْ مُّعْرِضُونَ {83}

Terjemahannya: *Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil janji dari Bani Israel (yaitu): Janganlah kamu menyembah selain Allah, dan berbuat baiklah kepada ibu bapak, kaum kerabat, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia, dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat. Kemudian kamu tidak memenuhi janji*

³ Hassan, M. K., 1980., *Konsep Keindahan dalam Islam dan Hubungannya dengan Seni dan Sastra: Suatu Pandangan Umum*, Seminar Bahasa dan Sastra, Dewan Bahasa dan Pustaka, pp. 2-3)

itu, kecuali sebahagian kecil daripada kamu, dan kamu selalu berpaling. (Surah al Baqarah: 83)

Di samping itu, Allah menjelaskan bahawa kata-kata dan bahasa yang paling indah ialah kata-kata yang menyeru kepada apa yang direndah Allah dan perbuatan-perbuatan yang baik. Seperti dalam firmannya:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ {33}

Terjemahannya: *Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta dia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)! (Surah Fussilat: 33)*

Keindahan dalam tingkah laku terhadap ibu bapa dituntut dalam firmannya:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حُسْنًا وَإِنْ جَاهَدَاكَ لِتُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ {8}

Terjemahannya: *Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan Daku (dalam ibadatmu) dengan sesuatu yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, maka janganlah engkau taat kepada mereka. Kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, kemudian Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan. (Surah al Ankabut: 8)*

dan keindahan dalam seruan agama dan berdialog dalam firmannya:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ {125}

Terjemahannya: *Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk. (Surah al Nahl: 125)*

Mengenai kehidupan fizikal, al Quran menjelaskan tugas insan supaya memperindahkannya dengan berbagai-bagai cara dalam batas yang ditentukan oleh nilai-nilai dan norma Islam, firmannya:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ {32}

Terjemahannya: *Katakanlah (wahai Muhammad): Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya? Katakanlah: Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat. Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui. (Surah al A'raf:32)*

Mengenai pakaian pula, al Quran menerangkan bahawa satu daripada fungsi pakaian ialah mencantikkan peribadi insan, tetapi sebaik-baik pakaian ialah sifat takwa yang meliputi keseluruhan diri, firmannya:

يَا بَنِي آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُؤَارِي سَوْآتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسَ التَّقْوَىٰ ذَلِكَ خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ {26}

Terjemahannya: *Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).* (Surah al A'raf: 26)

يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ {31}

Terjemahannya: *Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang) dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.* (Surah al A'raf: 31)

Daripada rangkuman ayat-ayat yang telah didatangkan dari al Quran, Kamal Hassan menyimpulkan bahawa Allah s.w.t mempunyai segala sifat yang baik dan dari nama-namanya yang indah seperti al Jamal, al Jalal, dan al Kamal menuntut pengindahan dari setiap aspek kehidupan manusia. Oleh yang demikian, manusia selaku makhluknya yang diciptakan di dalam gambarannya (صورته) perlu menuntut pengindahan dalam setiap aspek kehidupan manusia baik kerohanian, moral, intelektual dan fizikal. Beliau menegaskan bahawa al Quran menyatakan bahawa nilai kerohanian yang tersimpul dengan benih keimanan dan ketakwaan kepada Allah adalah nilai yang paling tinggi, kemudian diikuti pula oleh nilai-nilai moral, intelektual dan fizikal. Konsep yang dianjurkan oleh al Quran tentang keindahan ini tidak bercanggah dengan jalan yang direndah Allah, kerana terdapat keserasian di antara tujuan dan cara. Keindahan pada pandangan beliau ialah yang mempunyai ciri-ciri ketakwaan, keimanan, kemurnian, kedalaman, keharmonian, keseimbangan, peraturan dan kesempurnaan. Oleh kerana itu, beliau menegaskan sekali lagi bahawa persepsi indah bagi pandangan makhluk yang bernama insan selaku hamba Allah dan khalifah di muka bumi, perlulah melahirkan hasil kebudayaan termasuk “sastera” yang tidak berlawanan dengan ketetapan Allah s.w.t. Ini kerana keindahan tidak akan wujud dalam penyatuan antara tuntutan dan pengingkaran serta kemaksiatan terhadap Pencipta dan Pentadbir seluruh alam⁴.

Kemudiannya, beliau mengupas hubungan konsepsi keindahan dalam Islam dengan sastera. Menurutnya, apabila berbicara tentang persoalan ini maka kita terpaksa berhadapan dengan dua kenyataan utama. Pertama; dalam skop keagamaan Islam dan nilai-nilainya merangkumi seluruh aspek kemanusiaan (jasmaniah-aqliyah(عقلية)-rohaniah) sebagai manifestasi dan sifat tidak terbatasnya kuasa dan kehendak Allah, Pencipta dan Pentadbir alam semesta. Kedua; manusia diberi tugas dan ditentukan peranannya oleh Pencipta dan Pentadbir tadi. Apabila kedua-dua skop (tanggungjawab) itu diterima sebahagian daripada hakikat dan makna keislaman, maka mudahlah kita memahami perbezaan-perbezaan pandangan mengenai batas kesenian atau peranan sastera dan sasterawan di antara “pandangan sarwa” Islam dengan pandangan bukan Islam⁵. Maka berdasarkan kepada apa yang telah disebutkan tadi, beliau

⁴ Hassan, 1980. *passim*, p6.

⁵ Ibid, p7.

berpendapat bahawa tidak wujudnya di dalam Islam konsep “autonomy of the aesthetic” atau “experience as the supreme value”, dalam erti kata lain ia bebas melakukan apa sahaja di dalam membentuk kebudayaan, mereka bebas untuk memilih mana-mana aliran sastera yang mereka suka lantaran kebebasan yang tiada batasnya. Akhirnya, pengaruh nilai-nilai liberal dan sekular memisahkan martabat karya-karya sastera daripada penilaian moral tentang peribadi seseorang karyawan itu. Mengikutnya lagi, dalam Islam, penghasilan seni dan sastera hendaklah bertujuan untuk meninggikan martabat manusia tentang semua nilai-nilai yang baik, murni dan diredhai Allah s.w.t. Seni dan sastera yang tinggi nilainya ialah yang boleh mendorong ke arah pencapaian tingkat ketakwaan, kemakrufan, kesalihan dan budi yang mantap. Inilah sebenarnya yang dituntut dalam Islam kepada makhluk yang bernama manusia yang diberi status khalifah. Segala apa yang diilhamkannya adalah “amanah” dari Allah s.w.t baik imajinasinya, akalunya, intuisinya dan lisannya. Ia perlu digunakan demi untuk memenuhi amanah yang telah diberikan dan bukannya membawa unsur-unsur yang bersifat egoistis dan satanis⁶.

Setelah mengupas serba sedikit tentang perbezaan antara pandangan Islam dan Barat, seterusnya Kamal Hasan menyentuh tentang sasterawan Muslim dan bukan Muslim. Padanya, meskipun jelas perbezaan di antara pandangan Barat dan Islam namun begitu terdapat juga pemikir-pemikir Barat yang menghargai nilai agama seperti “Jacques Maritain” dan “Pitirim A. Sorokin” yang menegaskan terdapat ikatan di antara “keindahan estetika” dan “keindahan transcendental⁷”. Kemudiannya Pitirim A. Sorokin menegaskan bahawa dalam masyarakat yang memberikan nilai yang tinggi kepada peranan agama dalam masyarakat, nilai keindahan dan seni tidak dapat dipisahkan daripada nilai-nilai tinggi yang lain seperti Tuhan, kebenaran dan kebaikan⁸. Bahkan mengikut Kamal Hassan, beliau amat menyesali sastera yang dilahirkan oleh kebudayaan yang terlalu mementingkan perasaan (sensate culture). Beliau menyifatkan bahawa seni “sensate culture” hanya bersifat duniawi yang hanya mementingkan kesenangan dan hiburan, ianya bersifat sensational (memenuhi perasaan manusia). Oleh itu ia sentiasa berubah dan berubah serta terpisah dari agama, akhlak dan nilai-nilai lain⁹. Kemudian beliau menambah dengan membandingkan di antara “sensate art” dengan “ideational art” (seni yang bernafaskan agama). Menurutnya, “ideational art” bukan untuk menghibur, menyukakan atau memberi kesenangan tetapi untuk membawa “orang yang beriman dengannya” kepada suasana yang lebih harmonis dengan Tuhan¹⁰. Mengikut Kamal Hassan, P. Sorokin mengatakan bahawa manusia mendapat pengetahuan melalui tiga punca; pancaindera yang lima, akal dan “supra conscious”. Bahkan “supra consciousness” inilah punca di sebalik kejayaan-kejayaan besar sains, agama, falsafah, teknologi dan lain-lain. Bagi orang Islam “supra consciousness” ini ialah intuisi atau “ilham kerohanian” dari Tuhan¹¹.

Kamal Hassan menjelaskan bahawa, peranan “supra consciousness” ini amat penting dalam mendapatkan ilham bagi mencetuskan karya-karya seni atau sastera. Beliau menambah, dalam pandangan ahli-ahli kerohanian Islam, untuk mendapat ilham yang indah dan luhur seseorang itu perlu menjalani proses penyucian yang serius, intensif dan terarah, barulah ilham yang diperolehi tergabung dalam keindahan dan kebenaran. Oleh yang demikian, beliau menegaskan bahawa adalah mustahil tidak ada keterikatan di antara karya dan pengkaryanya. Maka, selagi

⁶ Hassan, 1980, *passim*, p8.

⁷ Maritain, J., 1953, *Creative Intuition in Art and Poetry*, New American Library: New York, pp122-128.

⁸ Sorokin, P. A, 1953, *The Basic Trends of Our Times*, College and University Press: New Haven., p57.

⁹ Ibid, p21.

¹⁰ Ibid, p20.

¹¹ Hassan, 1980, *passim*, p9.

dia bernama Muslim, dia perlu patuh dengan ketetapan Tuhan dengan menjalankan tugas sebagai khalifah Allah di muka bumi ini¹².


Kemudian, di dalam berkarya mengikut Kamal Hassan, sasterawan Islam perlu memahami empat perkara penting. Pertama; sekiranya ingin memahami seni, setiap perbandingan dengan idea seni sebagaimana yang difahami oleh dunia Barat perlu dilihat dari kaca mata yang berbeza. Kedua; dalam budaya Islam tujuan asasi darinya ialah untuk kemajuan manusia dan ianya tidak termasuk budaya oleh kelompok-kelompok manusia tertentu dalam masa-masa yang tertentu yang menganut agama Islam tetapi melahirkan kebudayaan yang tidak menyumbang kepada kemajuan manusia. Ketiga; kebudayaan Islam tidak bertujuan memperelok atau memperhalus barang-barang tambahan dalam kehidupan manusia. Sebaliknya, ia bertujuan untuk memperindahkan dan memuliakan hidup manusia itu sendiri. Keempat; kebudayaan Islam mempunyai kaitan yang amat rapat dengan agama. Ia juga sarat dengan idea kekuasaan Allah s.w.t baik sewaktu keagungannya atau kemerosotannya dan ini terserlah dalam lapangan ilmu, seni, sastera atau kebajikan masyarakat¹³.

Beliau menyimpulkan bahawa budaya Islam yang dimaksudkan terangkum di dalamnya seni lukis, seni muzik, seni suara, seni bina, seni pahat, puisi dan prosa. Ia adalah manifestasi yang lahir dari pengamatan manusia dari pandangan semesta Islam mengenai Tuhan, alam, manusia dan kehidupan. Ia adalah pertemuan “al Jamal” dan “al Haq”(الحق) di dalam pengalaman insan Muslim. Ia adalah budaya yang tinggi yang mesti dibezakan dengan budaya hiburan. Ia sesuatu yang dituntut dalam Islam dan mendapat visi keindahannya dari al Quran yang mengandungi kebenaran, kebaikan, dan keindahan bahasa. Keindahan bahasanya berfungsi bukan semata-mata untuk menimbulkan “kesenangan estetika” tetapi berkhidmat untuk memperjelaskan nilai-nilai dan martabat kebenaran yang universal dan abadi. Bentuk dan isi, tujuan dan cara, media dan mesej menjadi bersepadu. Tujuan keagamaan (غرض الديني) dan tujuan kesenian (غرض الفني) bertemu secara paling harmonis dalam satu pengalaman yang suci. Melalui pengalaman suci ini iaitu natijah dari penghayatan terhadap al Quran secara serius maka akan diketemukan dengan suatu jenis kemanusiaan yang benar. Manusia yang membawa mesej “insaniyyah” (إنسانية) yang hakiki yang mengenali Pencipta dan Pentadbirnya dan berusaha untuk merealisasikan hidup yang paling mulia, damai dan mesra dengan Tuhan, alam dan makhluk. Kemudiannya seniman yang merasai pengalaman dan memahami hakikat “insaniyyah” ini menggabungkannya dengan kebenaran yang wujud dalam dirinya. Natijahnya, seseorang itu akan mencetuskan karya yang mencerminkan kemanusiaan ketuhanan.

¹² Ibid.

¹³ Ibid, p10.

Konsep Kesusasteraan Islam Mengikut Prof Dr Mohd Kamal Hassan Menurut Carta



Dalam soal ini, beliau pernah memberi pandangan bahawa, “sebarang komitmen sasterawan kepada ideologi dan falsafah hidup yang lain dari Islam seperti humanisme, sekular, Kristian atau sosialisme, materialisme, existensialisme, nihilisme atau saintisme dengan sendirinya tidak melayakkan karya sastera itu digolong sebagai sastera yang setia kepada nilai-nilai Islam. Sekiranya aliran humanisme mahu dimasukkan juga di dalam golongan sastera itu, maka terlebih dahulu ia harus menjadi humanisme ketauhidan¹⁴.

Kesimpulan

Walaupun konsep yang ditampilkan oleh Kamal Hassan agak ringkas tetapi ia memberikan pengertian yang besar dalam rangka ingin mencari kefahaman bagi sastera Islam. Beliau telah berjaya memberi satu pandangan yang jelas tentang “konsep keindahan”, hubungannya dengan Allah sebagai pencipta dan manusia sebagai makhluk. Allah sebagai sumber keindahan yang

¹⁴ Hassan, M. K, 1980, "Sastera Islam", Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Islam, GAPIM: Kuala Lumpur.
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

memiliki sifat al Jamal, al Jalal, al Kamal perlu dihayati oleh manusia untuk menggambarkan sifat-sifat Allah itu pada tahap manusiawi. Sesuai manusia sebagai makhluk Allah yang dijadikan di atas rupa parasnya, (gambarannya) خلق آدم في صورته. Selaras dengan itu manusia juga merupakan khalifah di muka bumi yang memegang “amanah” dari Allah s.w.t.

Justeru itu, Kamal Hassan menekankan bahawa penghasilan segala bentuk seni yang terangkum di dalamnya “kebudayaan” perlu dilaksanakan dengan penuh amanah dan tanggungjawab sesuai dengan tugasnya sebagai pemegang amanah Allah s.w.t. Dalam proses berkarya, beliau amat menekankan soal “keperibadian” pengkarya dan hubungannya dengan Allah. Sehingga beliau mensyaratkan kepada seniman Islam yang ingin berkarya perlu melalui proses “penyucian diri” (تزكية النفس) yang teratur. Mungkin beliau memaksudkan pengamalan zikir dan latihan kerohanian yang betul bagi meningkatkan “makrifat” kefahaman diri. Seterusnya, beliau menekankan agar seniman mengkaji dan menghayati al Quran sehingga tercapai “pengalaman suci” dengan memahami konsep “insaniyyah” yang digali dari al Quran kemudiannya digabungkan dengan pengamatan seniman tersebut terhadap alam dan tingkah laku manusia yang akhirnya dapat menyerlahkan “kemanusiaan ketuhanan” dalam karyanya. Hakikatnya, mutu sastera Islam hari ini (moden) belum boleh menandingi warisan silam kerana faktor ini; manusia yang berbakat tidak mempunyai pengalaman kerohanian yang tinggi, manakala yang mempunyai pengalaman kerohanian tidak mempunyai bakat untuk berkarya. Justeru, kebuntuan ini perlu dirungkaikan.

Seterusnya, dalam proses penghasilan “sastera Islam”, berlaku pertembungan di antara “tujuan agama” dan “tujuan sastera”. Ia bertemu dalam pengalaman suci dan akhirnya terhasillah sastera Islam. Mengikut pandangan Kamal Hassan sastera Islam perlu mempunyai unsur kebenaran, kebaikan dan keindahan bahasa di samping ia membawa fikrah untuk kemajuan umat sejagat.

Bibliografi

- Hassan, M. K., 1980, "**Sastera Islam**", Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Islam, GAPIM: Kuala Lumpur.
- Hassan, M. K., 1980,. **Konsep Keindahan dalam Islam dan Hubungannya dengan Seni dan Sastera: Suatu Pandangan Umum**, Seminar Bahasa dan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maritain, J., 1953, **Creative Intuition in Art and Poetry**, New American Library: New York.
- Sorokin, P. A., 1953, **The Basic Trends of Our Times**, College and University Press: New Haven.